

12 OCT 1996

Umno - rasuah

USAHA BERTERUSAN PERLU BENDUNG POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Proses membendung gejala rasuah dan politik wang dalam Umno perlu diteruskan dan dijadikan satu norma atau budaya serta dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu, kata beberapa pemimpin tertinggi Umno malam ini.

Mereka juga bersetuju bahawa ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu itu ketika merasmikan perhimpunan agung Umno 1996 Khamis lepas telah memberi kesan besar dan dramatik serta mempengaruhi suasana pemilihan dan perjalanan perhimpunan Umno kali ini.

Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penekanan yang diberikan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya tentang isu itu telah memberi kesan besar, namun katanya semua pihak dalam parti harus memikirkan cara bagi memastikan politik wang dan gejala rasuah tidak terus menghantui Umno.

"Ianya perlukan usaha berterusan...jadikan usaha membendung gejala ini sebagai budaya serta norma politik," katanya dalam rancangan Wawancara Khas RTM bertajuk "Gejala Rasuah dalam Politik" malam ini.

Dua lagi naib presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib serta Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita, Datuk Ahmad Rancangan satu setengah jam itu dipengerusikan oleh Editor Majalah Massa, Chamil Wariya.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata bahawa Umno perlu menyusuli dengan pelbagai proses "political re-education" dan "brainstroming" supaya gejala itu tidak menjalar.

"Ini bagi mewujudkan rasa benci berterusan kepada rasuah," katanya.

Muhammad yang juga Menteri Besar Selangor pula berkata bahawa penekanan nilai-nilai murni dan agama serta pewujudan pelbagai latihan dan kursus kepada anggota parti segenap peringkat adalah perlu dalam menangani masalah ini.

Ahmad Zahid yang baru dipilih sebagai Ketua Pemuda berkata soal penting ialah sejauh mana anggota dan pemimpin menjiwai amanat Perdana Menteri mengenai perlunya menjauhi diri dari gejala rasuah dan politik wang.

Abdullah Badawi berkata walaupun peraturan yang sedia ada mencukupi tetapi yang penting ialah penguatkuasaannya secara berkesan terhadap peraturan dan arahan yang dibuat.

Beliau yang mengulas secara lebih lanjut ucapan Dr Mahathir itu, berkata bahawa ucapan itu buat kali pertamanya menjurus secara langsung kepada rasuah dan kesannya kepada masa depan Umno.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata hubungan antara politik wang dan keputusan pemilihan harus dihapuskan iaitu mewujudkan satu keadaan dengan anggota parti menyedari bahawa politik wang akan membawa kegagalan dan bukannya keputusan baik (kejayaan) kepada mereka yang terlibat.

Zaharah berpendapat semua lapisan anggota Umno seharusnya komited dan mengambil satu usaha yang bersungguh-sungguh bagi mencegah gejala ini supaya kedudukan Umno sebagai parti yang menjadi tonggak kerajaan dan orang Melayu akan terus terpelihara.

Mengulas cadangan seorang pemanggil dalam rancangan itu, Najib berkata Umno tidak perlu menubuhkan sebuah badan khas seperti Badan Pencegah Rasuah dalam pentadbirannya kerana ia adalah sukar, tidak praktikal dan akan menimbulkan satu bentuk birokrasi yang baru.

"Untuk membanteras politik wang memerlukan iltizam yang kekal dan berterusan, dilakukan secara bersepadu dan menyeluruh di semua peringkat,"

katanya. -- BERNAMA
RV RZS OBA